

Kertas Bil. 54/2015




**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN
6 – 9 APRIL 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERKENAAN CADANGAN MENYELESAIKAN
PUNCA-PUNCA KEMISKINAN DAN KETIDAKSAMARATAAN DI
KALANGAN RAKYAT NEGERI SELANGOR
KERTAS BILANGAN 6/2015**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGAL
KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
1	<p>PENYATA JAWATANKUASA PILHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN CADANGAN MENYELESAIKAN PUNCA-PUNCA KEMISKINAN DAN KETIDAKSAMARATAAN DI KALANGAN RAKYAT NEGERI SELANGOR</p>	<p>1. Kerajaan Negeri hendaklah mendefinisikan kemiskinan dengan cara yang lebih holistik dan komprehensif. Mendefinisikan kemiskinan dengan berpandukan paras garis kemiskinan akan menjadikan kerajaan gagal menggariskan dasar dan program-program yang mantap bagi kesejahteraan rakyat jelata.</p>	✓		<p>Secara umumnya, kemiskinan dianggap sebagai isu subjektif yang boleh dilihat dari pelbagai sudut dan dimensi. Di Malaysia, garis pemisah bagi membezakan di antara yang golongan miskin dan tidak miskin dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri merupakan Jabatan yang bertanggungjawab dalam merangka dasar berhubung pembangunan sosio ekonomi Negara di samping menetapkan mekanisme dalam menentukan paras kemiskinan.</p> <p>Selain daripada menggunakan PGK sebagai ukuran kemiskinan semata-mata, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan mengambil maklum dan bersetuju dengan syor supaya Kerajaan Negeri dapat mendefinisikan kemiskinan secara holistik dan komprehensif. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu menetapkan kaedah atau mekanisme lain dalam menentukan tahap/ ukuran kemiskinan selain daripada PGK. Ini adalah bagi membolehkan ia dijadikan sebagai rujukan/ panduan utama yang digunakan secara seragam di dalam setiap program pemberian bantuan kepada rakyat oleh semua Jabatan/ Agensi yang berkaitan di bawah Kerajaan Negeri.</p> <p>Justeru itu, pendefinisian kemiskinan dalam konteks Negeri Selangor dijangka akan dapat dikemaskini secara lebih tepat dan holistik berdasarkan hasil kajian yang akan diperolehi daripada Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor. Kajian tersebut kini sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) bermula Mac 2015 hingga Mac 2016.</p>
		<p>2. Kemiskinan hendaklah didapati sebagai permasalahan yang bersifat <i>multi-dimensional</i>. Kemiskinan juga mesti dijudikan satu permasalahan yang berkaitan dengan persoalan hak asasi manusia. Bebas daripada kemiskinan adalah persoalan hak asasi manusia. Tidak ditekan dan dihipit oleh kemiskinan juga adalah isu hak asasi manusia.</p>	✓		<p>Indeks Kemiskinan Multidimensi Global Tahun 2015 (<i>Global Multidimensional Poverty Index 2015 - MPI</i>) merupakan pengukuran antarabangsa terhadap masalah kemiskinan yang terdiri daripada 3 dimensi dan 10 petunjuk. Setiap dimensi diberikan pemberat sebanyak 33.33%. Menurut MPI, seseorang/ seisi rumah yang mencapai kurang daripada 33.33% dianggap sebagai miskin multidimensi. Berikut merupakan gambarajah bagi mengukur kemiskinan dari pelbagai dimensi (<i>multidimensional</i>):-</p>


V. S. M. M. YUSOFF
 AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (EXCO)
 PENERUSI JAWATANKUASA TETAP PEKERJA LADANG, KEMISKINAN DAN KERAJAAN PRIHATIN
 Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan


**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (PK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL
KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MAMKIN
					<div data-bbox="395 257 758 616" data-label="Diagram"> </div> <p align="center">Indeks Kemiskinan Multidimensi Global Tahun 2015</p> <p>Sehingga kini, Malaysia didapati masih belum menggunakan konsep kemiskinan multidimensi (<i>multidimensional poverty</i>) secara rasminya. Namun begitu, bagi Negeri Selangor pula, Kerajaan Negeri sedang menjalankan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor bermula Mac 2015 hingga Mac 2016. Di dalam kajian tersebut, perunding UNISEL dan UTAR telah mengenalpasti MPI beserta 18 item/ elemen utama* untuk digunakan sebagai kerangka utama instrumen kajian. Selain itu, pembinaan instrumen ini juga turut mematuhi kriteria dua (2) kaedah pengiraan PGK yang lain iaitu Minimum Cost of Living (MCL) dan pengiraan PGK oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU).</p> <p>Kajian ini dilihat berupaya membolehkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti dan merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara efektif, mengenalpasti jumlah sebenar penduduk miskin serta memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan.</p> <p><small>*Nota: 18 item/ elemen utama adalah, telefon mudah alih, indeks harga makanan, makanan- pengambilan kalori, pengangkutan, PGK bukan makanan dan makanan, isi rumah, jumlah ahli isi rumah, kadar nisbah kemiskinan, pendidikan, kesihatan, tahap</small></p>

Y.B. GANABATI RAHAYU VERAMAN
 AHLI MAJLIS MESYUARAT KERJA RUMAH NEGERI SELANGOR (EXCO)
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin
 Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN UKP-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGAL
KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
					<p><i>kehidupan, jasmani dan rohani, pemerikasaan, kerja dan hiburan, keselamatan, hutang, aset, OKU dan penyakit kronik.</i></p>
		<p>3. Kerajaan Negeri hendaklah menetapkan matlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat negeri Selangor.</p>	✓		<p>Pada masa kini, matlamat utama Kerajaan Negeri adalah untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif melalui dasar Kerajaan Negeri dan program-program yang berupaya mentransformasikan masyarakat miskin dan miskin tegar kepada masyarakat yang berupaya menjana serta meningkatkan pendapatan.</p> <p>Dengan adanya pelbagai dasar dan program pembasmian kemiskinan ini, ianya diharap dapat mengurangkan kadar kemiskinan melalui penjana/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) serta seterusnya berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan. Walau bagaimanapun, jangkaan peratusan yang ingin dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan yang ingin dicapai adalah tertakluk kepada penetapan PGK terkini, iaitu hasil daripada Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan (PGK) bagi Negeri Selangor yang akan diperolehi kelak.</p>
		<p>4. Kerajaan Negeri hendaklah mendirikan pusat kajian ataupun Pusat Sehenti (One-Stop Centre) untuk mengumpul dan mengintegrasikan semua data berkaitan kemiskinan daripada pelbagai agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan juga agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan.</p>	✓		<p>Secara ringkasnya, terdapat dua sistem maklumat yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri berkaitan maklumat penerima bantuan dan data berkaitan kemiskinan iaitu Sistem <i>iWorkfare</i> dan Sistem IKRAMS. Sistem <i>iWorkfare</i> merupakan satu pangkalan data bersepadu yang mengintegrasikan data-data penerima-penerima bantuan kemiskinan bagi program-program bantuan kemiskinan di bawah seliaan pelbagai agensi di Negeri Selangor. Manakala, sistem IKRAMS yang dibangunkan melalui pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan (PGK) bagi Negeri Selangor merupakan satu pangkalan data yang lengkap dan holistik isi rumah Negeri Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan. Data yang dikumpul menerusi kajian ini adalah merangkumi semua informasi mengenai setiap isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin.</p> <p>Sistem sedia ada yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti Sistem <i>iWorkfare</i> dan Sistem IKRAMS ini dilihat berupaya berfungsi seperti Pusat Sehenti (<i>One-Stop Centre</i>) untuk digunakan sebagai mungkin serta dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengumpul, menyelaras dan mengintegrasikan semua data berkaitan kemiskinan daripada pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.</p>


Y.B. GANABATI FAU AVL VERAMAN
 AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (EXCO)
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin
 Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (PK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL
KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
		<p>5. Kerajaan Negeri hendaklah merombak semula peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor untuk memastikan perannya setara dan setanding dengan Lembaga Zakat Selangor dalam menjaga kebajikan masyarakat bukan Muslim di Selangor.</p>	✓		<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) merupakan salah satu Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berperanan untuk memberi perlindungan dan kepada kumpulan sasar, membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdaya, mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang, meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik.</p> <p>Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang punca kuasa bagi merombak semula fungsi dan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS) memandangkan JKMMNS merupakan sebuah jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan.</p> <p>Manakala Lembaga Zakat Selangor sebagai institusi zakat di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula ditubuhkan di atas asas melaksanakan tuntutan agama Islam dan bukannya manifestasi program bantuan/ kebajikan yang dicituskan oleh Kerajaan Negeri. Dana yang diperolehi oleh Lembaga Zakat Selangor adalah diperolehi daripada membayar-pembayar zakat dan bukannya daripada peruntukan Kerajaan Negeri.</p> <p>Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan serta pelbagai Jawatankuasa Tetap dan Jabatan/ Agensi telah berusaha melaksanakan pelbagai dasar dan program bantuan untuk manfaat rakyat Negeri Selangor merentasi agama dan kaum. Bantuan diberi kepada semua yang layak berasaskan kriteria yang telah ditetapkan bagi membolehkan serta memastikan ianya dinikmati secara adil dan saksama oleh rakyat Negeri Selangor tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih sejahtera, makmur dan berdaya maju.</p>


Y.B. GANABADI ABU AVL VERAMAN
 AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (EXCO)
 PENERUSI JAWATANKUASA TETAP BUKERJA LADANG, KEMISKINAN DAN KERAJAAN PRIHATIH
 Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan